

# Keentingan salasilah dalam tarekat

PENA  
DR. AYMAN

Oleh  
Dr. Ayman al-Akhti



ISLAM diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan berpaksikan kepada tiga tiang seni agama iaitu Islam, iman dan ihsan. Tiang seni utama ini telah diwahyukan kepada nabi SAW secara fizikal di depan para sahabat r.a iaitu di dalam hadis Jibril a.s yang terkenal.

Islam dibaratkan sebagai fikah Islam yang berkaitan dengan amal ibadah zahir seperti tatacara solat, berpuasa, haji, berniaga, jenayah dan lain-lain aspek dunawi dan ukhrawi. Sumber pengambilan hukumnya adalah dari nas-nas al-Quran, hadis, ijmak dan qias.


Selain itu terdapat metodologi lain yang turut diraikan dalam mazhab-mazhab Islam seperti *uruf* (nukum adat), pendapat sahabat, *maslahat* dan lain-lain metodologi yang tersusun rapi di dalam kitab-kitab Usul al-Fiqh.

Iman pula boleh diibaratkan sebagai prinsip-prinsip akidah yang tidak boleh diambil ringan. Ia berkaitan kepercayaan seseorang yang berada di dalam hati yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar walaupun hati tersebut dibelah.

Sebab itulah ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mutakhir menyatakan bahawa iman adalah membenarkan di dalam hati. Sedangkan pengakuan dengan lisan serta perbuatan dengan anggota adalah kesempurnaan iman.

Perkara berkaitan iman pula adalah diketahui melalui gabungan *aqli* dan *naqli*, atau rasional dan nas al-Quran dan sunnah. Ini terbukti di dalam surah al-Anam ayat 74-76 yang mencitakan bagaimana Nabi Ibrahim AS berusaha menemukan tauhid Allah Yang Maha Pencipta sekalian alam.

Ketika berbicara tentang ihsan pula, maka ia tentang bagaimana seseorang itu memperindah ibadahnya kepada Allah SWT seperti khusyuk, ikhlas dan cinta agar mendapatkan ibadah yang berkualiti.



BEKAS Mufti Mesir, Sheikh Ali Jumaah, ulama yang menggabungkan tiga ilmu Islam iaitu akidah, fikah dan tasauf.

Sebab itulah Rasulullah SAW menjawab soalan malaikat Jibril tentang ihsan dengan sabdanya: *Engkau beribadah seolah-olah engkau melihat-Nya, dan kalau tidak, maka sesungguhnya Allah pasti melihat engkau*. Segala intisari tentang ihsan ini telah dibahas secara lengkap dalam ilmu yang diberi nama tasauf.

Dalam ilmu tasauf pula, penentuan keabsahan sebuah amalan dan manhaj adalah berdasarkan pengalaman ulama-ulama tasauf seperti Rasulullah SAW, para sahabatnya yang agung, para ulama yang alim lagi soleh seperti Imam Abu Talib al-Makki, Sheikh Abu Yazid al-Busthami, Sheikh al-Shibli, Imam Junayd al-Baghdadi, Imam al-Ghazali dan lain-lain.

Sebab itulah kitab tasauf selain membahaskan tentang ikhlas, khusyuk, cinta, taubat dan lain-lain, ia juga penuh dengan petikan kalam-kalam ahli sufi dan sejarah mereka sebagai renungan perjalanan mereka untuk sampai ke darjat ihsan yang sebenar.

Sumber ilmu tasauf pula berbeza dengan fikah dan akidah. Ini kerana ilmu tasauf adalah ilmu yang berkaitan dengan pendidikan hati, bagaimana kita membersihkannya, menanamkan kekhayusan di dalam hati, menjadi

hamba yang lemah-lembut, berakhlak mulia, mengawal amarah dan belajar untuk sentiasa mencintai Allah SWT sehingga setiap saat dalam hidup kita selalu mengingati-Nya dengan beribadah dan berzikir kepada-Nya.

## GURU MURSYID

Oleh sebab itu, Sheikh al-Azhar (Rektor Universiti al-Azhar, Mesir); Sheikh Abdul Halim Mahmud berkata: "Wajib di dalam tasauf terdapat syarat yang terpenting iaitu 'kesan rohani' atau dengan istilah yang lebih mendalam sebagai 'berkat' yang tidak mungkin diperolehi kecuali dengan perantaraan guru mursyid.

Disebabkan pentingnya memiliki guru mursyid inilah yang membuatkan ilmu tasauf sangat berhajat kepada tarekat dan dari sinilah ia memerlukan kepada salasilah tarekat.

Daripada pernyataan ini, maka jelaslah bagi kita bahawa ilmu tasauf itu ibarat seperti sebuah disiplin ilmu, sedangkan tarekat pula adalah mazhab bagi disiplin ini. Ia seperti akidah yang terdapat beberapa taifah dalam akidah seperti al-Ash'ariyyah, al-Maturidiyyah, al-Muktazilah, al-Wahabiyyah, al-Syiah dan lain-lain.

Begitu juga dalam fikah

terdapat mazhab al-Syafie, al-Maliki, al-Hanafi, al-Hanbali dan lain-lain. Maka ilmu tasauf sebagai disiplin ilmu yang berkaitan pengajaran hati memiliki beberapa mazhab seperti Tarekat Shadhiliyyah, Tarekat Naqshabandiyyah, Tarekat Qadiriyyah dan lain-lain tarekat yang telah berjasa mengislamkan manusia di pelbagai pelosok dunia ini.

Maka sumber utama dalam manhaj tasauf adalah guru mursyid yang disebut oleh Sheikh Abdul Halim Mahmud tadi. Ia akan berfungsi sebagai ejen untuk membetulkan hati-hati yang patah, resah atau kosong.

Maka guru mursyid bertugas dengan segala pengalamannya yang lama dalam membersihkan jiwa untuk diajarkan kepada muridnya seperti halnya dia menuntut di bawah bimbingan gurunya dahulu yang sambung menyambung sampai kepada Rasulullah SAW.

Syarat-syarat dalam bertarekat tasauf dalam Islam menurut Sheikh Abdul Halim Mahmud adalah sebagai berikut:

- 1) Memiliki watak yang semula jadi untuk menerima ilmu tarekat yang tidak mungkin diperolehi dengan usaha



Ketika berbicara tentang ihsan pula, maka ia adalah tentang bagaimana seseorang itu memperindah ibadahnya kepada Allah SWT!"

- 2) Memiliki sandaran salasilah tarekat yang sah.
- 3) Mengambil segala ilmu yang diajarkan dan diberkati oleh guru mursyidnya dalam hal-hal yang dapat mendidik hati. Begitu juga hal-hal amalan zikir yang dapat menghadirkan hati murid tadi untuk sentiasa menghadirkan Allah di dalam hatinya sehingga dia mencapai darjat *rabbani*.

Maka jelaslah bahawa salasilah adalah sumber penting dalam pembersihan jiwa. Ini kerana keberkatan yang dapat dihasilkan oleh persambungan dengan salasilah yang sah adalah syarat utama dan tidak mungkin seseorang dapat sampai melainkan dengannya.

Sebab itu adalah salah menganggap salasilah-salasilah tarekat adalah rekaan belaka, hanya kerana ia tidak ditemukan dalam kitab-kitab hadis.

Ini disebabkan adanya salasilah tarekat yang menjadi disiplin ilmu tasauf dan dibincang di dalam kitab tasauf, bukan bidang hadis mahupun hukum-hukum zahir.

Maka jelaslah seseorang yang mencari kesahihan sanad ilmu qiraat al-Quran di dalam kitab hadis nescaya ia tidak akan berhasil melainkan merujuk kepada kitab-kitab qiraat. Begitu juga dengan salasilah tarekat tasauf yang menjadi bidang ulama sufi seperti Imam al-Syafi' r.a.

Penulis ialah Pensyarah Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) & Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)